

## TUKARAN ASING

MATA WANG	BELIAN	JUALAN
1 DOLAR AS	4.64	4.646
1 EURO	5.0683	5.0767
1 DOLAR SINGAPURA	3.4516	3.4581
1 POUND UK	5.9012	5.9106
100 RIAL SAUDI	123.697	123.8636
100 RUPIAH INDO	0.031	0.0311

Pendekkan masa perjalanan, para jemaah boleh fokus kepada persediaan laksanakan ibadah umrah

Oleh MOHAMAD AMREEL IMAN  
ABD MALEK  
PETALING JAYA

**A**ngkasa Mukmin Sdn Bhd dan Hayya Travel & Tours Sdn Bhd mengumumkan kerjasama dengan syarikat penerbangan Batik Air dalam menyediakan tiket untuk penerbangan ke Jeddah bagi ibadah umrah.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Angkasa Mukmin, Mohd Yusni Ismail, usaha sama itu bertujuan memberikan pengalaman perjalanan yang selesa bagi

# Penerbangan umrah tanpa transit dengan Batik Air

para jemaah yang ingin melaksanakan ibadah umrah ke Arab Saudi.

Jelas beliau, pada peringkat awal, pihaknya menumpukan penerbangan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdul Aziz di Jeddah.

"Antara kelebihan utama penerbangan bersama Batik Air adalah penerbangan secara terus ke Arab Saudi tanpa transit."

"Ini akan memudahkan perjalanan dan mengurangkan tempoh waktu perjalanan di mana para jemaah boleh fokus sepenuhnya kepada persediaan melaksanakan ibadah umrah."

"Insya-ALLAH penerbangan pertama kita akan bermula seawal 1 November ini dengan kapasiti 365 penumpang."

"Besar harapan kami agar dapat membantu lebih ramai umat Islam khususnya rakyat Malaysia untuk melaksanakan ibadah umrah," kata beliau semasa majlis menandatangani persefahaman berkenaan di sini pada Selasa.



Musthofa (tiga dari kiri), Mohd Yusni (tiga dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Batik Air, Mushafiz Mustafa Bakri (dua dari kanan) ketika majlis menandatangani Persefahaman Program Umrah pada Selasa.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Hayya Travel & Tours Sdn Bhd, Musthofa Mubarak Kamaruzaman berkata, kadar pakej umrah yang ditawarkan ialah RM7,990 bagi lapan bulan pertama selepas musim haji.

Bagaimanapun, ujarnya, ia tertakhlik kepada perubahan semasa.